

# Seri Negara simbol ikonik kongsi peristiwa bersejarah

**Kuala Lumpur:** Bangunan Seri Negara yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam sarat dengan peristiwa sejarah negara termasuk menjadi tempat perbincangan awal penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu antara tahun 1955 hingga 1957.

Dibina pada 1913 dan sebelum ini dikenali sebagai 'King's House', bangunan berusia 112 tahun itu pernah berfungsi sebagai rumah tetamu rasmi bagi menerima kunjungan kenamaan asing termasuk Ratu Elizabeth II.

Selepas ditutup bagi kerja pe-

muliharaan, Seri Negara bakal dibuka semula kepada orang ramai bermula 20 Disember ini.

Kerja pemuliharaan Seri Negara yang dilaksanakan dalam tempoh masa 10 bulan mengekalkan ciri asal seni bina bangunan berkenaan, di samping meningkatkan aspek keselamatan, kebolehcapaian dan kemudahan awam bagi memastikan semua lapisan masyarakat dapat berkunjung, mengalami serta menghayati semula warisan negara.

Seri Negara akan menempatkan Galeri Seri Negara yang meraikan perjalanan negara me-

nuju kemerdekaan dan bertujuan mendidik orang ramai mengenai tempoh bermakna dalam sejarah Malaysia.

Seri Negara yang turut termasuk dalam projek pembangunan Warisan 2030 oleh Khazanah Nasional Bhd dijangka merancakkan kembali kawasan bersejarah di tengah bandar.

Pada pembentangan Belanjawan 2026 Oktober lalu, Perdana Menteri memaklumkan Khazanah melabur sebanyak RM600 juta untuk kerja membaik pulih bangunan bersejarah Carcosa Seri Negara.

Bagaimanapun, Khazanah tampil menjelaskan pelaburan

sebanyak RM600 juta bagi pemuliharaan warisan di Kuala Lumpur bukan saja merangkumi kerja pemuliharaan Carcosa Seri Negara tetapi turut memba-bitkan enam blok bangunan dalam Kompleks Bangunan Sultan Abdul Samad (BSAS) di Kuala Lumpur dan bangunan warisan lain.

Khazanah akan membaik pulih lapan bangunan warisan negara iaitu Seri Negara, Carcosa, BSAS, Bangunan Pejabat Pos Besar Lama, Bangunan Mahkamah Tinggi Lama, Bangunan Panggung Bandaraya, Bangunan Pejabat Ukur FMS Lama dan bangunan Muzium Tekstil

Negara.

Turut disediakan di Seri Negara ialah kafe dan restoran di-kendalikan Serai Group yang menawarkan pengalaman menjamu selera yang bernostalgia, mencerminkan keindahan warisan Seri Negara, di samping meraikan kepelbagaian hidangan terbaik Malaysia.

Sebagai bangunan berstatus Warisan Negara, pengunjung perlu mendaftar melalui program Sahabat Seri Negara untuk melawat Galeri Seri Negara.

Pendaftaran boleh dibuat melalui [www.serinegara.com.my](http://www.serinegara.com.my) dan pengunjung boleh memilih slot masa yang diingini.